

Selamat datang siswa siswi baru, kami sedia membantu anda

UB 07/09/2011 B4



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaitonmohamad@yahoo.com

PADA artikel yang sebelum ini penulis lebih suka berkongsi tentang kes-kes klien untuk dijadikan pedoman. Mungkin masalah tersebut ringan bagi diri kita tetapi berat bagi orang lain. Kadang-kadang dalam hidup kita selalu sahaja ada masalah dan sebagainya. Mungkin keadaan tersebut boleh memberikan kekuatan kepada sesiapa yang selalu bermuhasabah dan berfikiran positif. Malah bersyukur dengan ujian tersebut dapat melihat siapa dirinya yang sebenar dan Allah menyayanginya. Namun pada minggu ini penulis suka berkongsi tentang kehebatan sambutan pelajar baru yang memasuki IPTA. Minggu ini merupakan minggu yang paling sibuk bagi semua IPTA kerana para pelajar baru sesi 2011/2012 akan mula membuat pendaftaran bermula pada 5 September 2011. Tahniat diucapkan kepada semua pelajar yang telah berjaya mendapat

tawaran tersebut. Dalam mendapatkan sebuah kejayaan yang cemerlang dan mendapat tempat di universiti bukan sesuatu perkara yang mudah kerana anda sekalian telah berusaha gigih melebihi 13 tahun dan terpaksa bersaing dengan calon-calon yang telah memohon dan menepati syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Oleh yang demikian pihak universiti telah melihat kesungguhan anda sekalian sebagai perangsang untuk menyambut anda dengan penuh gembira. Malah semua pelajar baru amat dialu-alukan dan dengan tangan terbuka. Oleh sebab itu sekiranya pelajar yang baru datang akan dilayan sebaik mungkin dengan cara mengambil dari setiap tempat perhentian sama ada di stesen bas, pelabuhan feri malah turut disambut dari lapangan terbang dan dibawa ke kampus dengan kenderaan yang disediakan. Tahniat untuk semua petugas yang menjayakan program tersebut. Bukan suatu perkara yang mudah untuk melayan lebih 3,000 orang pelajar sekiranya

tidak ada kerjasama dan pengurusan yang sistematik di universiti yang cemerlang.

Di Borneo ada beberapa IPTA yang menjadi sebutan ramai kerana sangat sistematik dalam mengatur dan mentadbir urus para pelajar dan juga sumber manusia. Ini disebabkan sifat ingin membantu selalu ditekankan oleh pihak pengurusan kepada semua kakitangan telah memberikan impak yang positif. Saban tahun angka pelajar semakin bertambah yang datang untuk mendaftar dan menerima tawaran memasuki universiti khususnya di Sabah. Mungkin juga mereka amat teruja kerana kali pertama menaiki kapal terbang dan juga tinggal berjauhan dengan ibu bapa. Keadaan ini sebagai petanda bahawa bidang pengajian yang ditawarkan di IPTA di Sabah dan Sarawak adalah setanding dengan IPTA di Semenanjung, malah mungkin lebih hebat kerana pihak pengurusan universiti yang sentiasa memahami kehendak mahasiswa/i dan tenaga pengajarnya juga adalah pakar dalam bidang masing-masing. Begitu

juga dengan kehebatan dalam menyediakan makmal-makmal untuk pembelajaran juga setanding dengan universiti-universiti terkemuka di negara kita.

Justeru itu boleh dikatakan berbaloi menerima tawaran untuk melanjutkan pelajaran di negeri di bawah bayu. Justeru itu para pelajar baru perlu bersyukur dan berterima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi kerana tidak perlu membuat pembayaran yuran semasa membuat pendaftaran. Ini disebabkan yuran pengajian akan dipotong daripada pinjaman PTPTN mahupun penaja-penaja yang lain. Keadaan tersebut berbeza dengan pelajar-pelajar sebelum ini yang perlu membuat pembayaran yuran lebih awal. Jadi sebagai warganegara Malaysia segala-galanya diurus dengan sistematik haruslah bersyukur dan berusaha untuk mewujudkan perpaduan tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman politik. Lantaran itu sebagai pelajar yang baru menjejakkan kaki ke

menara gading perlu mahir mengurus diri, mengurus masa, mengurus kewangan dan yang paling penting bijak memilih kawan. Ini disebabkan sekiranya gagal memilih kawan, maka niat awal untuk belajar bersungguh-sungguh akan terpesong dan boleh meruntuhkan motivasi untuk berjaya mendapatkan segulung ijazah. Jadikan airmata perpisahan dengan kedua ibu bapa dan ahli keluarga sebagai airmata perjanjian yang anda akan mengenggam segulung ijazah dalam tempoh yang ditetapkan. Lantaran itu pilihlah kawan baru yang boleh dijadikan rakan dan akhirnya menjadi sahabat sejati yang sanggup membantu anda dalam susah dan senang. Pihak universiti amat berterima kasih sekiranya anda amat menghargai segala kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan dan menggunakannya untuk kebaikan sepanjang tempoh berada di universiti. Justeru, bersedialah untuk memulakan kehidupan sebagai seorang mahasiswa yang jauh daripada kongkongan ibu bapa, bijak

mengeluarkan idea-idea yang baru dan berlatihlah untuk menjadi seorang pemimpin.

Ini disebabkan kehidupan di universiti amat berbeza dengan alam persekolahan yang selalu disuap oleh tenaga pengajar, sedangkan apabila bergelar mahasiswa, andalah peneraju hidup anda sendiri, sekiranya anda malas untuk berusaha mendapatkan bahan bacaan, maka anda juga yang akan mendapat keputusan yang kurang cemerlang. Begitu juga dengan kegiatan aktiviti kokurikulum, ada sesetengah pendapat mahasiswa-mahasiswi yang telah bergraduat, "Sekiranya bijak mengambil subjek-subjek yang ditawarkan mungkin boleh mendatangkan keuntungan dari sudut kewangan dalam jangka pendek mahupun dalam jangka masa panjang. Namun sekiranya hanya ingin mengambil jalan mudah untuk mendapatkan skor yang cemerlang, maka pilihlah subjek yang berkenaan". Oleh yang demikian segala-galanya bergantung kepada kebijaksanaan anda untuk mendapatkan informasi

daripada senior-senior yang telah lama berada di universiti.

Walau bagaimanapun dalam minggu ini diharap para pelajar yang baru datang pertama kali ke negeri Sabah, jangan terkejut dengan budaya dan bahasa yang belum pernah didengari. Ambillah sedikit ruang dan masa untuk memahami dialek, loghat dan suasana persekitaran di negeri Sabah. Mudah-mudahan semakin lama anda dengari semakin lunak kedengaran dan menjadi halwa telinga saban hari. Usah bersedih dan bergundah gelana dengan masakan yang berbeza kerana sudah menjadi adat perantau untuk mencuba semua perkara yang baru. Maka dengan cara itu hidup lebih bererti dan bertambah pengalaman. Semoga anda menjadi seorang mahasiswa yang bersedia untuk menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan dan pengalaman di universiti di negeri Sabah.

*** Penulis adalah Pegawai Psikologi, Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya, HEP, UMS**